

JALALUDDIN mempunyai pengetahuan luas mengenai kayu.



PROFIL

NAMA: Datuk Dr Jalaluddin Harun
UMUR: 61 tahun
ASAL: Gombak, Selangor
PERANAN: Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

CINTAI DUNIA KAYU KAYAN

■ Dr Jalaluddin ikut cakap ibu berjaya selesaikan pengajian ijazah sarjana di AS dengan singkat

KARISMA

Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Ketika usia sembilan tahun, Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Datuk Dr Jalaluddin Harun terpaksa berpindah dari satu daerah kecil iaitu Changlun, Kedah ke Kuala Lumpur kerana mengikuti bapanya, Harun Binu yang juga pegawai polis yang diarahkan bertukar ke ibu kota.

Meskipun waktu bersekolah di Kedah, beliau dikenali sebagai pelajar bijak kerana sentiasa memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan, berbeza situasinya apabila dia memasuki Sekolah St John, Kuala Lumpur.

"Seperti anak polis lain, saya bersama adik-beradik sangat jarang bertemu dengan bapa, maklumlah ketika itu beliau ditempatkan di Balai Polis Ampang yang sentiasa sibuk dengan pelbagai kes.

"Keluar awal pagi dan kadangkala sudah tengah malam baru pulang ke

rumah. Jadi kami tidak banyak masa bersama. Namun, itu bukan bermakna kami terlepas daripada pengawasan bapa.

"Ketika awal berpindah ke Kuala Lumpur, saya pada mulanya ditempatkan oleh pihak sekolah di antara kelas yang tercorot. Selepas peperiksaan pertama di Sekolah Rendah St Johns saya telah mendapat keputusan yang cemerlang di mana pihak sekolah telah menaikkan saya dari kelas tercorot kepada kelas teratas.

"Waktu itu tidak pula berasa tertekan sebaliknya ia mendorong saya untuk meningkatkan perhatian dalam kelas sehinggalah saya berjaya berada dalam kelompok kelas terbaik.

"Saya masih ingat waktu berada dalam kelas teratas, saya antara tiga anak Melayu yang ada. Itu merangsang saya untuk terus fokus dalam pencapaian akademik sehingga tamat pengajian," katanya.

Tambah Dr Jalaluddin, peranan ibunya tidak kurang penting walaupun hanya suri rumah dan tidak memiliki pencapaian akademik yang tinggi

"Saya masih ingat lagi, ketika membuat persiapan terbang ke Pennsylvania State University, Amerika Syarikat pada 1981 untuk pengajian peringkat sarjana, ibu meminta membawa tesis Sarjana Muda Perhutanan bersama.

"Sebaik bertemu penyelia pada hari pendaftaran pengajian dan saya tunjukkan tesis itu, penyarah berkata saya tidak perlu mengikuti beberapa kursus pengajian bahasa Inggeris berdasarkan pengamatan beliau pada tesis terbabit.

"Ini mempercepatkan proses saya memperoleh sarjana dan sehingga hari ini, saya sangat berterima kasih kepada ibu saya.

"Pada awalnya saya tidak berasakan ia sesuatu yang penting tetapi berkat mendengar nasihat orang tua rupanya banyak membantu memudahkan perjalanan kerjaya," katanya.

Mendengar perjalanan hidup anak kedua daripada empat beradik ini, rasa kagum terbit apabila dia berjaya menjadi penyarah pada umur 26 tahun dan mempunyai trek rekod sebagai ahli akademik

METRO AHAD METRO AHAD

BERSAMA anak, Kamarul Asyraf pada 1987.



MERAKAM kenangan di United Kingdom pada 1992.



yang berjaya termasuklah menyelia 11 pelajar doktor falsafah (PhD) selama bertugas bersama Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Sejarah saya dengan UPM sangat panjang. Saya tamat pengajian ijazah sarjana muda pada 1980 dan saya ialah siswa 'batch' keempat dalam Fakulti Perhutanan iaitu antara fakulti pioneer di universiti berkenaan.

"Saya sebenarnya jatuh cinta dengan khazanah hutan iaitu potensi kayu itu sehinggalah memutuskan untuk pergi jauh dalam bidang kajian berkenaan.

"Kebetulan pula saya ini jenis suka jalan pintas, rasanya bermula sebagai ahli akademik iaitu menerusi UPM itu sendiri membantu saya mengikuti pelbagai peluang kajian dan akademik membabitkan industri kayu.

"Bayangkan tamat saja belajar saya ditawarkan membuat sarjana di Pennsylvania, Amerika Syarikat dalam bidang Forest Resource (Sumber Hutan).

"Tidak cukup dengan satu sarjana, saya menyambung lagi pengajian dalam bidang pulpa dan kertas menerusi program Fellowship Norwegian di University of Trondheim dan menjadi salah seorang penerima anugerah daripada lapan penerima. Pada tahun 1985-1986.

"Daripada lapan pelajar serata dunia mengikuti program pengajian, saya

satu-satunya anak Malaysia yang berjaya mendapat anugerah berkenaan. Kemudian saya teruskan lagi kajian menerusi pengajian peringkat PhD dalam bidang Komposit Kayu (Sains Kayu) juga di University of Wales United Kingdom pada 1993," katanya.

Mengakui keghairahannya terhadap kualiti kayu tempatan tidak memadam dengan puluhan kajian dilakukan, cita-citanya lebih besar sehingga beliau dipinjamkan ke Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sejak 2009 sebagai Ketua Pengarah sehingga kini.

"Sebenarnya kayu tempatan mempunyai potensi cukup besar dan saya berasa cabarannya ialah untuk menaikkan nilai produk itu sendiri. Bagaimanapun saya tidak melakukannya sendirian sebaliknya bersama pasukan iaitu kakitangan bekerjasma dalam MTIB yang menjadi orang kuat dan mendorong setiap inisiatif yang kami jalankan.

"Tahun lalu kami menyewa satu ruang khas bagi tujuan pameran perabot kayu tempatan yang menelan belanja RM38,000 dan berjaya membawa pulang hasil jualan melebihi RM800,000. Ini membuktikan produk kita sentiasa mempunyai permintaan daripada pasaran tempatan.

"Pada saya memperkasakan pengusaha kecil dan sederhana (SME) dalam industri itu sendiri sangat penting. Ia bermakna meningkatkan pendapatan mereka dan negara dalam produk kayu-kayan negara. Itu antara fokus saya dalam kerjaya ketika ini.

"Dalam pada itu saya sentiasa tertarik dengan teknologi perindustrian. Saya berhasrat menjadikan Malaysia sebagai pemangkin kepada teknologi pembinaan menerusi inovasi Sistem Bangunan Berindustri (IBS) atau sistem pasang siap kayu. Saya mahu melihat Malaysia mempunyai bangunan melebihi empat tingkat dengan menggunakan IBS Kayu melalui teknologi Glulam dan Cross Laminated Timber (CLT)," katanya.

Tidak pernah jemu dengan tugas dilakukannya, Dr Jalaluddin berkata, melihat setiap kali pereka muda perabot berjaya menempatkan diri dalam pameran Antarabangsa, ia sentiasa mengingatkan dirinya mengapa beliau begitu cintakan kayu.

Katanya yang juga dianugerahkan sebagai Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) 2017, dia mahu melihat nama Malaysia harus sebagai pelopor industri kayu ternama di peringkat antarabangsa seperti Amerika Syarikat dan Jepun.



SEMPAT menerangkan jenis kayu kepada media.

MENGHADIRI lawatan kerja ke Perancis Misi Advance Green Composite (AGC) pada September 2017.



MENGHADIRI Misi Lawatan Kerja ke Russia & Ukraine bersama bekas Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi Tan Sri Bernard Dompok.



Gemar nasi lemak, gulai kambing

1. Hobi masa lapang? Bermain tenis.

2. Genre buku kegemaran? Saya suka baca buku mengenai pengurusan dan teknologi termaju terutama dalam perikanan dan pemprosesan.

3. Warna kegemaran? Warna ungu lembut, lavender.

4. Negara yang sering dikunjungi? Sebenarnya kerjaya ini banyak membawa saya ke serata dunia. Saya sudah melawat lebih 60 negara dan rasanya lokasi kegemaran antaranya ialah Vienna, Austria yang mempunyai bangunan berusia 200 tahun dihasilkan sepenuhnya daripada kayu.

5. Makanan kegemaran? Nasi lemak dan gulai berasaskan kambing termasuklah sup. Tidak lupa juga nasi Arab.

6. Kereta kesayangan? Kereta Mercedes Benz yang saya beli pada 1992 ketika di United Kingdom semasa menuntut dan ia baru saja dijual tiga tahun lalu.

7. Siapakah ikon bidang perindustrian? Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor.

8. Ikon antarabangsa? Barack Obama, Mantan President Amerika Syarikat.



PROGRAM WoodLife Style Fair 2016 di PWTC.



BERSAMA Menteri Industri Utama Teresa Kok pada program sambutan World Bamboo Day 2018 di Taman Bukit Jalil.

SESI wawancara Biz Talk di Bernama TV.